

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
[ TUARAN ]**

**TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN : 109**

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah hala tuju pembangunan untuk memastikan Orang Asli Semenanjung dibawa ke arus pembangunan perdana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Strategi untuk memajukan masyarakat Orang Asli telah digariskan ke dalam Pelan Strategik JAKOA (2016 – 2020) yang memberi fokus kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Ianya merupakan satu pelan yang telah dirangka dalam usaha **meningkatkan kualiti hidup** melalui penyediaan infrastruktur yang lengkap di perkampungan Orang Asli.

Dalam masa yang sama, usaha juga turut dilaksanakan bagi **meningkatkan pendapatan** masyarakat Orang Asli melalui Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli serta Program Pembangunan Usahawan Orang Asli di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

Antara projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

| <b>Bil</b> | <b>Program</b> | <b>Projek</b>                                                                                                                               |
|------------|----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| i.         | Infrastruktur  | Jalan Perhubungan                                                                                                                           |
| ii.        | Utiliti        | Bekalan Elektrik dan Bekalan Air                                                                                                            |
| iii.       | Ameniti Sosial | Balai Raya, Longkang, Tabika, Dewan dan lain-lain kemudahan untuk kegunaan komuniti                                                         |
| iv.        | Ekonomi        | Pembangunan Ladang Sawit & Getah, Bantuan Input Pertanian, Projek Hands Holding, Bantuan Tanaman Kontan, Penternakan dan Perikanan.         |
| v.         | Usahawan       | Geran Usahawan, Bantuan Peralatan, Bantuan Premis Perniagaan, Kursus Pengembangan Usahawan & Eko-pelancongan, Karnival Usahawan Orang Asli. |

Namun begitu, usaha dan kerjasama semua agensi secara berterusan akan dilaksanakan untuk memastikan taraf hidup dan kehidupan masyarakat Orang Asli dipertingkatkan seiring dengan pembangunan negara.

Sekian. Terima kasih.